

25/07/1998

Patriotisme dorong guna pelabuhan

Abdul Razak Raaff

SARANAN Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, supaya pengeluar tempatan mengutamakan sepenuhnya kemudahan di pelabuhan tempatan bagi tujuan import dan eksport bertepatan dengan usaha mengurangkan kadar aliran wang ke luar negara.

Tindakan pengeluar tempatan mengeksport barangan mereka dari Pelabuhan Singapura jelas menunjukkan ada rakyat tempatan kurang menghargai pembangunan kerajaan yang sentiasa memastikan kemudahan di semua pelabuhan atau lapangan terbang di negara ini adalah yang terbaik.

Bukan saja pengeluar tempatan di selatan Semenanjung malah pengusaha dari kawasan utara dan timur Semenanjung juga sanggup merentasi perjalanan yang jauh semata-mata mahu mengeksport melalui Pelabuhan Singapura.

Tindakan itu tidak boleh dianggap rasional dengan mengalirkan ringgit ke negara lain sewaktu negara mengalami krisis ekonomi disebabkan kejatuhan nilai ringgit di pasaran antarabangsa.

Ironinya, laungan kepemimpinan menggesa rakyat mempunyai semangat nasionalisme dan patriotik serta bersatu padu menyokong pelbagai langkah yang diambil dalam menangani masalah ekonomi, seolah-olah tidak kesampaian.

Semua rakyat tidak kira ahli korporat, ahli perniagaan, pegawai tadbir, kerani dan pekerja am warga Malaysia, jika ditanya sentiasa mengakui mempunyai semangat nasionalisme serta cintakan tanah air di hati masing-masing.

Jika ditanya sama ada mahu melihat negara kucar-kacir seperti yang berlaku di Indonesia, sudah pasti mereka menggelengkan kepala tanda takut segala kekayaan dan kemewahan yang dikecapi selama ini hilang.

Namun, sumbangan yang diberikan kepada kerajaan dalam usaha menangani masalah ekonomi masih belum boleh dianggap memuaskan seperti sumbangan dalam Tabung Khas Negara dan kempen 'Belilah Barangan Buatan Malaysia'.

Oleh itu, warga yang mempunyai semangat nasionalisme dan patriotik tulen, sudah pasti tidak mahu melihat negara terus dirundung pelbagai masalah sebaliknya bertekad dan sama-sama berkorban membantu menerusi apa jua sumbangan.

Antara sumbangan itu termasuk tidak membeli-belah dan berbelanja keperluan harian di luar negara, meningkatkan daya produktiviti dan nilai eksport, meningkatkan daya kerja dan menggunakan barangan buatan tempatan.

Pengeluar tempatan seharusnya orang yang pertama memberi sokongan kerana langkah menggunakan kemudahan dan ejen eksport yang disediakan di pelabuhan Klang, Johor, Ipoh, Pulau Pinang dan Kuantan boleh mengurangkan pengaliran keluar ringgit setiap tahun.

Penggunaan kemudahan pemasaran dan ejen eksport yang disediakan di pelabuhan seperti Pelabuhan Johor lebih menjimatkan berbanding menggunakan pelabuhan di luar Malaysia termasuk Pelabuhan Singapura.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah meminta pengusaha tempatan menggunakan pelabuhan tempatan bagi kegiatan eksport dan import kerana lebih RM52 bilion barangan Malaysia dikendalikan oleh Pelabuhan Singapura pada 1996.

Malah, Abdul Ghani juga menyebut Singapura mengendalikan import dan eksport barangan Malaysia berjumlah RM78 bilion setahun.

Selain itu, kenyataan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ling Liong Sik menganggarkan kira-kira RM500 juta dapat dijimatkan setiap tahun dalam bentuk aliran keluar wang jika semua pengusaha tempatan menggunakan

pelabuhan di negara ini.

Oleh itu, kenyataan Abdul Ghani menggesa pengeluar barangan di Johor mengurangkan eksport menerusi Pelabuhan Singapura sama ada menggunakan kemudahan institusi kewangannya, insurans, mata wang dan prasarana negara itu bertujuan menggalakkan penggunaan pelabuhan tempatan.

Pengeluar tempatan perlu menggunakan pelabuhan tempatan pada tahap maksimum bagi membantu kerajaan mengurangkan aliran keluar wang dalam menangani masalah ekonomi sekarang.

Berdasarkan satu kajian, negara juga dapat menjimatkan kira-kira RM1.7 billion dalam bentuk tukaran wang asing menjelang tahun 2000 dengan pembukaan pelabuhan kedua di Tanjung Pelepas, Gelang Patah, Johor.

Pembukaan pelabuhan kedua bagi Johor yang turut dilengkapi pelbagai kemudahan moden dan terkini itu juga boleh menjimatkan masa dan tenaga serta lori yang selama ini terpaksa beratur panjang untuk masuk di Singapura melalui Tambak Johor.

Kemudahan yang disediakan di semua pelabuhan tempatan setaraf dengan pelabuhan di republik itu, cuma pengeluar tempatan kurang yakin dengan kemampuan dan corak pengendalian disediakan di pelabuhan tempatan.

Pelabuhan Klang membuka operasinya 24 jam bagi membolehkan kapal yang berlabuh pada jam 2 pagi mendapatkan khidmat diperlukan selain mengenakan caj perkhidmatan 40 peratus lebih rendah daripada Pelabuhan Singapura.

Berdasarkan laporan tahunan Johor Port Berhad (Johor Port), Pelabuhan Johor menerima pengendalian kargo 20.85 juta tan metrik kargo pada tahun lalu berbanding 19.017 juta tan metrik pada 1996 dan 16.307 juta tan pada 1995.

Selain itu, pelabuhan itu juga menerima peningkatan dalam jumlah bilangan kapal yang singgah iaitu 6,089 tahun lalu berbanding 5,887 pada 1996 manakala bilangan kapal asing juga meningkat iaitu daripada 3,552 kapal tahun lalu kepada 3,966 kapal pada 1996.

Tetapi anehnya, masih ada pengeluar yang masih menghantar barangan untuk dieksport melalui Pelabuhan Singapura serta menggunakan kemudahan institusi kewangannya, insurans, mata wang dan prasarana di pelabuhan itu.

Dr Ling melahirkan rasa bimbang terhadap senario itu yang sudah lama berlaku tetapi kurang diberi perhatian. Malah, beliau pernah mengarahkan satu jawatankuasa bagi menyiasat dan meneliti syarikat tepatan yang tidak menggunakan pelabuhan negara ini untuk urusan import dan eksport.

Jawatankuasa itu ditubuhkan bagi mengkaji dan menilai mengapa kegiatan eksport dan import membabitkan barangan tempatan dilakukan melalui pelabuhan di negara lain berbanding pelabuhan tempatan.

Baru-baru ini, akhbar turut melaporkan Kementerian Pengangkutan akan menggubal undang-undang yang mensyaratkan kira-kira 45 peratus pengimport dan pengeksport tempatan yang masih menggunakan pelabuhan di Singapura supaya menggunakan pelabuhan dalam negara.

"Pelabuhan republik itu (Singapura) mengendalikan kira-kira 1.2 juta teus (unit kontena 20 kaki) kontena daripada pengusaha import dan eksport Malaysia.

"Selain itu, pelabuhan negara terutama di Klang mampu menawarkan pengendalian sebanyak 3.4 juta teus kontena tetapi kini hanya digunakan bagi mengendalikan sebahagian saja kemampuannya," kata Dr Ling.

Jelaslah, tindakan pengeluar tempatan menghantar barangan eksport melalui pelabuhan negara lain yang turut menguntungkan orang tengah, mengecewakan banyak pihak termasuk kerajaan.

Melalui semangat nasionalisme dan cintakan negara yang tinggi saja dapat membantu pengeluar tempatan mengubah pendirian mereka dalam menggunakan perkhidmatan pengendalian urusan eksport dan import di pelabuhan tempatan.

Kedudukan kewangan negara mungkin boleh dibaiki jika pengaliran wang keluar dapat diredakan dan dialirkan bagi kegunaan pentadbiran dan

pengurusan kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi serta kepentingan rakyat jelata.

(END)